

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID  
[ KAPAR ]**

**TARIKH : 05 OKTOBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID [ KAPAR ]** minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan komitmen atau jaminan keselamatan jika sesi persekolahan secara fizikal dibuka semula.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah merangka satu pelan komprehensif pembukaan semula sekolah bagi memastikan murid dapat kembali belajar secara bersemuka di sekolah dalam keadaan selamat.

Dalam merangka pelan ini, KPM telah mengadakan sesi libat urus yang menyeluruh bagi mendapatkan input, pandangan serta cadangan berhubung pembukaan semula sesi persekolahan. Sesi libat urus ini melibatkan kumpulan pentadbir sekolah, guru dan juga wakil Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) di negeri Perlis, Negeri Sembilan, Sarawak serta Wilayah Persekutuan Labuan. KPM juga telah mengadakan sesi libat urus melibatkan kumpulan pakar dari sektor kesihatan awam, pendidikan, psikologi kanak-kanak dan pediatrik. Sesi tersebut juga melibatkan wakil Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia (NUTP), Gabungan Majlis Guru Besar Malaysia dan Majlis Pengetua Sekolah Malaysia. Selain itu, KPM turut mendapatkan pandangan daripada calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun 2021, termasuk calon dalam kalangan Murid Berkeperluan Khas (MBK).

KPM juga telah membuat analisis amalan terbaik pembukaan semula sekolah di negara-negara lain bagi meneliti pendekatan yang berkesan dalam memastikan pengoperasian sekolah secara bersemuka dapat dilaksanakan dalam keadaan yang selamat.

Berdasarkan input daripada sesi libat urus dan dapatan analisis, KPM telah membuat penambahbaikan kepada kerangka asal pelan komprehensif pembukaan semula sekolah. Kerangka ini kemudiannya diperincikan bersama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Mengambil kira situasi semasa, termasuk kadar vaksinasi dalam kalangan guru, anggota kumpulan pelaksana (AKP) dan pekerja perkhidmatan sokongan (PPS) serta pandangan KKM dan MKN, KPM telah mengumumkan bahawa sekolah akan dibuka untuk pengajaran dan

## NO. SOALAN: 42

pembelajaran (PdP) bersemuka mulai 3 Oktober 2021 bagi negeri kumpulan A dan 4 Oktober 2021 bagi negeri kumpulan B. Pembukaan sekolah dibuat secara berperingkat mengikut fasa dalam Pelan Pemulihan Negara (PPN).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM juga mengambil ketetapan untuk mengehadkan kapasiti murid di sekolah pada kadar 50 peratus enrolmen keseluruhan. Bagi tujuan tersebut, kaedah yang digunakan adalah dengan mengehadkan kapasiti murid di dalam kelas kepada 50 peratus daripada jumlah murid dalam kelas tersebut. Justeru, sistem penggiliran murid hadir ke sekolah mengikut minggu akan dilaksanakan. Kaedah ini diguna pakai untuk semua kelas kecuali:

- i. MBK di SKPK/SMKPK/SMPKV dan PPKI;
- ii. murid di Tingkatan 6 Semester 2 dan IBD Tahun 2;
- iii. murid di sekolah asrama sepenuhnya;
- iv. murid kelas peperiksaan antarabangsa;
- v. murid prasekolah/tadika swasta/pusat perkembangan minda (4-6 tahun); dan
- vi. murid di Sekolah Kurang Murid (kurang 150 murid).

Selain daripada pendekatan di atas, KPM juga telah mengambil beberapa ketetapan lain bagi mewujudkan persekitaran sekolah yang selamat. KPM menetapkan bahawa hanya guru dan AKP yang lengkap divaksin sahaja dibenarkan untuk melaksanakan PdP di dalam kelas dan berinteraksi dengan murid. Selain itu, hanya PPS yang lengkap divaksin sahaja dibenarkan memasuki dan bekerja di dalam kawasan sekolah.

KPM juga memantau rapi kadar vaksinasi warga sekolah yang layak divaksin. Sehingga 24 September 2021, seramai 378,842 orang guru (91.5 peratus) telah lengkap divaksin. Manakala, seramai 58,612 orang AKP (87.4 peratus) telah lengkap divaksin. Selain daripada itu, seramai 92,448 orang PPS (78.6 peratus) melibatkan pekerja kawalan keselamatan, kebersihan, dewan makan, kantin sekolah dan pemandu van sekolah telah lengkap divaksin. KPM sentiasa bekerjasama rapat dengan Pasukan Petugas Khas Imunisasi COVID-19 (CITF) bagi memastikan kadar vaksinasi dalam kalangan guru, AKP dan PPS dapat terus ditingkatkan. Selain itu, KPM turut membantu CITF bagi

## **NO. SOALAN: 42**

memastikan vaksinasi kepada murid sekolah berumur 12 hingga 17 tahun di bawah Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan Remaja (PICK Remaja) dilaksanakan dengan teratur dan lancar.

KPM turut mewajibkan pemakaian pelitup muka kepada semua warga sekolah termasuk murid. Murid yang bergejala tidak dibenarkan hadir ke sekolah bagi mengelakkan risiko jangkitan dalam kawasan sekolah. Semua sekolah perlu memastikan pengudaraan yang baik di dalam kelas. Murid akan makan di dalam kelas semasa waktu rehat dengan seliaan guru. Bagi kelas yang menggunakan penyaman udara pula, murid perlu makan di ruang terbuka dengan seliaan guru.

Pada masa yang sama, prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh KKM seperti kerap mencuci tangan, saringan suhu badan serta penjarakan fizikal akan terus dilaksanakan di dalam sekolah.

Bagi murid yang akan pulang ke sekolah asrama sepenuhnya, KPM akan melaksanakan ujian saringan COVID-19 menggunakan kit ujian sendiri COVID-19 ke atas murid sebanyak 3 kali, iaitu semasa pendaftaran masuk, hari ke-6 dan hari ke-14. Bagi murid asrama harian, ujian saringan COVID-19 menggunakan kit ujian sendiri COVID-19 akan dilaksanakan semasa pendaftaran masuk. Selain itu, kit ujian sendiri COVID-19 akan disediakan bagi kegunaan sekolah harian untuk membuat saringan awal sekiranya terdapat murid yang menunjukkan gejala ketika di sekolah.

Bagi memastikan kelancaran pengoperasian sekolah, KPM telah mengeluarkan Garis Panduan Pengurusan dan Pengoperasian Sekolah 3.0 sebagai rujukan kepada jabatan pendidikan negeri (JPN), pejabat pendidikan daerah (PPD) dan pentadbir serta guru di sekolah.

Kerangka pelan pembukaan sekolah ini adalah satu perancangan komprehensif KPM bagi memastikan pengoperasian sekolah secara bersemuka berjalan dengan teratur dan selamat.